

Dr Mahathir lawat Thailand dua hari

BANGKOK: Pergolakan di Selatan Thailand dijangka menjadi tumpuan perbincangan apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melakukan lawatan dua hari ke sini Isnin ini.

Dr Mahathir, yang kali terakhir berada di sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada Oktober 2003 sebelum bersara beberapa hari selepas itu, dijadual bertemu Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra.

Pertemuan antara kedua-duanya akan berlangsung di Ban Phitsanulok sebelum mereka menghadiri jamuan malam sempena lawatan itu. Dr Mahathir juga akan menghadap Raja dan Permaisuri Thailand di Istana Klaikangwon pada Selasa sebelum pulang ke tanah air.

Pegawai Malaysia dan Thailand berkata, tiada majlis umum atau agenda khusus dijadualkan kerana lawatan Dr Mahathir sebagai tetamu peribadi bekas Perdana Menteri Thailand, Anand Panyarachun.

Anand, pengerusi Jawatankuasa Perdamaian Nasional yang berperanan utama mencari penyelesaian terhadap kekacauan di selatan, menjemput Dr Mahathir ke ibu negara Thailand itu ketika pertemuan mereka di Kuala Lumpur, bulan lalu.

Ketika lawatannya ke Kuala Lumpur, Anand mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan kedua-dua pemimpin membincangkan keganasan di Selatan Thailand.

Turut dibincangkan ialah nasib 131 penduduk Islam Thailand yang melarikan diri ke Kelantan pada Ogos lalu yang masih memerlukan perbincangan antara kedua-dua kerajaan yang masih membincangkan penyelesaian terhadap masalah itu.